



09 FEB, 2024

KP: 110kg jongkong emas tidak langgar Akta Kastam

Harian Ekspres (KK), Malaysia



KP: 110kg
jongkong
emas tidak
langgar
Akta Kastam

Lagatah Toyos

TAWAU: Tiada perlanggaran Akta Kastam didapati dalam rampasan 110 kilogram (kg) jongkong emas di Lapangan Terbang Tawau (LTT) pada Selasa lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, pihaknya sudah menjalankan siasatan dan mendapati jongkong emas tidak tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023, Perintah Kastam (Larangan mengenai Eksport) 2023 dan Permit Pergerakan di bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2022.

“Sehubungan itu, Jabatan menegaskan bahawa tiada perlanggaran terhadap Akta Kastam, atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967.

“Oleh itu, barangan terbabit dikembalikan kepada pembawa,” katanya dalam kenyataan media, pada Khamis.

Beliau mengulas dakwaan portal media sosial tempatan berkenaan rampasan jongkong emas 110kg di LTT.

Katanya, laporan tersebut turut mendakwa beberapa pembawa ditahan dengan jongkong emas di dalam bagasi penumpang ketika hendak berlepas dari LTT ke Kuala Lumpur.

Mohd Nasir berkata, Jabatan menerima serahan barangan jongkong emas daripada pihak polis bantuan LTT pada 11 pagi Selasa.

Untuk rekod, laporan rampasan jongkong emas bernilai RM30 juta itu turut mengundang pelbagai komen dan reaksi daripada masyarakat, khususnya di media sosial.



09 FEB, 2024

KP: 110kg jongkong emas tidak langgar Akta Kastam

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Lagatah toyos TAWAU: Tiada perlanggaran Akta Kastam didapati dalam rampasan 110 kilogram (kg) jongkong emas di Lapangan Terbang Tawau (LTT) pada Selasa lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, pihaknya sudah menjalankan siasatan dan mendapati jongkong emas tidak tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023, Perintah Kastam (Larangan mengenai Eksport) 2023 dan Permit Pergerakan di bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2022.